



SIARAN AKHBAR BERSAMA

MESYUARAT TAHUNAN ASIA/PACIFIC GROUP ON MONEY LAUNDERING DAN TECHNICAL ASSISTANCE FORUM BAGI TAHUN 2026

Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei

Hari Isnin, 12 Safar 1448H bersamaan 27 Julai 2026M,
hingga hari Jumaat, 16 Safar 1448 bersamaan 31 Julai 2026M

1. Kementerian Kewangan, dengan kerjasama Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), telah menganjurkan Mesyuarat Tahunan Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG) dan *Technical Assistance Forum* bagi tahun 2026 bermula pada hari Isnin, 27 Julai 2026, hingga hari Jumaat, 31 Julai 2026, di The Empire Brunei.
2. Majlis Perasmian, yang telah diadakan pada hari Khamis, 30 Julai 2026, telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II, selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal APG bagi Negara Brunei Darussalam. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan, dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, Timbalan Pesuruhjaya Polis.
3. Majlis tersebut menandakan penganjuran Mesyuarat Tahunan APG oleh Negara Brunei Darussalam, mengalu-alukan ahli-ahli APG dengan kehadiran pegawai-pegawai kanan daripada agensi-agensi kerajaan. Majlis turut menampilkan Seminar Teknikal Negara Brunei Darussalam mengenai Pelucutan Hak Berdasarkan Tiada Sabitan (*Non-Conviction Based Forfeiture*) yang mengetengahkan pengalaman dan amalan Negara Brunei Darussalam dalam usaha membanteras jenayah kewangan yang disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik, serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, dengan wakil daripada Pejabat Peguam Negara sebagai moderator.
4. Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Tahunan APG 2026 dalam kapasiti sebagai Pengerusi Bersama Bergilir APG bagi penggal 2026–2028. Penganjuran ini mencerminkan komitmen berterusan Negara terhadap usaha serantau dan antarabangsa dalam membanteras pembersihan wang haram, pembiayaan pengganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah secara besar-besaran.

5. Mesyuarat Tahunan APG menghimpunkan delegasi daripada 41 buah negara ahli, 3 negara pemerhati dan 12 organisasi-organisasi pemerhati, serta wakil daripada Urus Setia APG. Mesyuarat merangkumi sesi plenari dan perjumpaan kumpulan kerja yang membincangkan hala tuju strategik dan rangka kerja APG, termasuk perkara berkaitan bantuan teknikal bagi menyelaraskan secara berkesan sokongan pembangunan kapasiti dalam bidang pencegahan pembersihan wang haram dan pembanterasan pembiayaan pengesanan (AML/CFT) di rantau Asia Pasifik.
6. APG ialah sebuah badan teknikal antarabangsa yang beroperasi sebagai badan serantau berasaskan *Financial Action Task Force* bagi rantau Asia Pasifik dengan misi untuk memastikan bahawa negara-negara keahlian melaksanakan dengan berkesan piawaian-piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh FATF 40 *Recommendations* bagi membanteras pembersihan wang haram, pembiayaan pengesanan dan percambahan senjata pemusnah secara besar-besaran.

**Kementerian Kewangan, dengan kerjasama Brunei Darussalam Central Bank
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 30 Julai 2026 / 15 Safar 1448

Rujukan: KKW/ADM/BHS/6

BDCB/COMMS/3